

Bil. S 8

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN-PERATURAN PERLEMBAGAAN
(WAKIL-WAKIL DAERAH) (PERJALANAN PEMILIHAN UNTUK DILANTIK),
2005

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Tafsiran.
 3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan menentukan tarikh dll. pemilihan.
 4. Pemilihan untuk dilantik.
 5. Penarikan balik pencalonan.
 6. Pegawai Daerah hendaklah mengawalselia prosedurnya sendiri.
 7. Pegawai Daerah hendaklah memberitahu Jawatankuasa Pemilihan.
 8. Tidak mematuhi Peraturan-Peraturan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERATURAN-PERATURAN PERLEMBAGAAN
(WAKIL-WAKIL DAERAH) (PERJALANAN PEMILIHAN UNTUK DILANTIK),
2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 7 Jadual Kedua kepada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perlembagaan (Wakil-Wakil Daerah) (Perjalanan Pemilihan untuk Dilantik), 2005.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini —

"Pegawai Daerah" bermakna Pegawai Daerah dari Daerah di mana pemilihan calon-calon untuk dilantik akan dijalankan di bawah perenggan kecil (2) perenggan 5 atau di bawah perenggan kecil (1) perenggan 6 Jadual Kedua kepada Perlembagaan;

"Jawatankuasa Pemilihan" bermakna Jawatankuasa yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah perenggan kecil (3) perenggan 5 Jadual Kedua kepada Perlembagaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan menentukan tarikh dll. pemilihan.

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh bagi mana-mana Daerah menentukan dengan notis dalam *Warta Kerajaan* tarikh, masa dan tempat bila dan di mana nama-nama calon yang layak bagi pemilihan untuk dilantik menjadi Wakil-Wakil Daerah dalam Majlis Mesyuarat Negara di bawah peraturan 4 akan dikemukakan menurut perenggan kecil (2) perenggan 5 atau di bawah perenggan kecil (1) perenggan 6 Jadual Kedua kepada Perlembagaan.

Pemilihan untuk dilantik.

4. Mana-mana orang yang layak bagi pemilihan untuk dilantik menjadi seorang Wakil Daerah boleh, dengan persetujuan bertulis orang itu, membenarkan nama-

nya untuk dihadapkan secara bertulis kepada Pegawai Daerah oleh dua orang yang mereka sendiri juga layak bagi pemilihan untuk dilantik di Daerah itu.

Penarikan balik pencalonan.

5. Seseorang calon itu boleh menarik balik pencalonannya pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pegawai Daerah.

Pegawai Daerah hendaklah mengawalselia prosedurnya sendiri.

6. Pegawai Daerah hendaklah, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, mengawalselia prosedurnya sendiri.

Pegawai Daerah hendaklah memberitahu Jawatankuasa Pemilihan.

7. Pegawai Daerah hendaklah, sejurus selepas nama-nama calon yang layak bagi pemilihan untuk dilantik telah dihadapkan, memberitahu Jawatankuasa Pemilihan tentang nama-nama calon tersebut.

Tidak mematuhi Peraturan-Peraturan.

8. Pemilihan untuk dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini tidaklah boleh dibatalkan hanya kerana gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini jika pada pendapat Jawatankuasa Pemilihan bahawa pemilihan itu telah dijalankan menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam peruntukan-peruntukan tersebut, dan kegagalan itu tidak menjejaskan keputusan pemilihan itu.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 8 haribulan Mac, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**